

## PEMBINAAN, KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN SOAL SELIDIK AMALAN ADAB BELAJAR IMAM SYAFIE

Wan Emril Nizar Bin Wan Embong  
Faculty of Education and Social Sciences  
Widad University College

### **ABSTRAK**

Soal Selidik Amalan Belajar dibina bertujuan untuk mengenal pasti tahap sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku amalan adab belajar dalam kalangan pelajar Sekolah Berasrama Penuh berpencapaian rendah. Soal selidik ini dibina berdasarkan Teori Perancangan Tingkah Laku oleh Ajzen (1991) dan adab belajar oleh Imam Syafie. Kajian ini dijalankan untuk menguji tahap kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik. Seramai tiga orang pakar telah terlibat bagi melakukan kesahan soal selidik manakala seramai 80 orang pelajar yang dipilih secara rawak berkumpulan telah terlibat dalam menguji kebolehpercayaan soal selidik. Hasil analisis data menunjukkan bahawa, nilai kesahan soal selidik adalah tinggi dengan peratus persetujuan pakar sebanyak 90.3% manakala nilai kebolehpercayaan item soal selidik dengan menggunakan kaedah ketekalan dalaman Alpha Cronbach adalah 0.85. Oleh itu, soal selidik yang dibina didapati mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

**Kata Kunci:** kesahan, kebolehpercayaan, soal selidik, amalan adab belajar Imam Syafie.

### **ABSTRACT**

Learning Practices Questionnaire is built to identify the attitudes, subjective norms, and perceived behavioral control towards learning practices among the lower achiever students in residential school. This questionnaire is built based on the Theory of Planning Behavior by Ajzen (1991) and the learning practices by Imam Shafi'i. This study is conducted to test the validity and reliability of the questionnaire using descriptive design. There were three experts have been chosen to identify the validity of the questionnaire, while eighty students were involved in testing the reliability of the questionnaire. The results of analysis showed that the validity of the questionnaire is 92.2% of the

experts agreed while the items reliability are 0.88. Therefore, the questionnaire was found to have the high reliability and suitable to be used by all other researchers to identify the attitudes, norms and perception towards learning practices.

**Keywords** – validity, reliability, questionnaire, learning practices of Imam Syafie.


## 1. PENGENALAN

Sekolah Berasrama Penuh (SBP) merupakan sekolah menengah aliran perdana di bawah kendali Kementerian Pelajaran Malaysia yang menempatkan pelajar-pelajar terpilih berdasarkan kriteria kecemerlangan akademik, kurikulum dan sahsiah diri. Hasrat utama penubuhan SBP adalah untuk melahirkan 100 peratus pelajar cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Namun begitu, hasrat ini masih belum dapat direalisasikan sehingga kini. Analisis peperiksaan SPM dari Sekolah Menengah Sains Batu Pahat, Johor menunjukkan sebanyak 20.5 peratus pelajar didapati tergolong dalam kelompok pelajar berpencapaian rendah dengan nilai Gred Purata Keseluruhan (GPK) kurang 2.5.

Sikap dan amalan belajar negatif yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar SBP berpencapaian rendah adalah bertentangan dengan adab-adab belajar menurut perspektif Islam (Abdul Aziz, 2007). Selain itu, selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara, penerapan amalan adab belajar dalam diri setiap pelajar di Malaysia dapat membantu memudahkan negara bagi melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Namun begitu, sehingga kini masih belum terdapat kajian yang dijalankan bagi menghasilkan instrumen yang dapat digunakan untuk mengukur tahap amalan adab belajar dalam kalangan pelajar SBP. Justeru, dengan mengaplikasikan Teori Perancangan Tingkah Laku (Ajzen, 1991) dan adab belajar saranan Imam Syafie, kajian ini dijalankan bagi membina Soal Selidik Amalan Belajar yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan tinggi bertujuan untuk mengenal pasti tahap sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku amalan belajar pelajar-pelajar SBP berpencapaian rendah.

## 2. KAJIAN LEPAS

Kajian ini dijalankan dengan mengaplikasikan Teori Perancangan Tingkah Laku yang dibangunkan oleh Ajzen (1991) (rujuk Rajah 1.1).



Rajah 1.1: Teori Perancangan Tingkah Laku oleh Ajzen (1991)

Teori ini merupakan sebuah teori perubahan tingkah laku umum yang terdiri daripada faktor sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif, persepsi kawalan tingkah laku dan niat tingkah laku. Teori ini menyatakan bahawa, tingkah laku adalah hasil akibat niat tingkah laku yang tinggi, manakala niat tingkah laku ini ditentukan oleh keseimbangan tahap sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku. Bagi memastikan niat tingkah laku adalah tinggi untuk melakukan sesuatu tingkah laku sasaran, sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku juga perlu berada di tahap yang tinggi. Namun begitu, faktor persepsi kawalan tingkah laku mampu menyebabkan berlakunya tingkah laku sasaran secara langsung tanpa melalui pembentukan niat tingkah laku. Berdasarkan elemen pembentukan dan perubahan tingkah laku oleh Ajzen (1991), maka kajian ini menekankan faktor sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku dalam membina Soal Selidik Amalan Belajar Imam Syafie.

Amalan adab belajar merupakan tingkah laku yang disasarkan dalam kajian ini. Adab merujuk kepada tingkah laku baik yang boleh dipelajari oleh semua orang, kemahiran yang digunakan oleh manusia sepanjang hidup, tanda mengambil berat tentang orang lain dan diri sendiri, peraturan yang bermakna untuk kehidupan yang lebih baik serta perkara penting dulu, kini dan selamanya (Espeland, 2007). Kajian ini memberi fokus kepada adab belajar yang disarankan oleh Imam Syafie (Abdul Aziz, 2007). Di antara adab belajar yang disarankan oleh Imam Syafie ialah menjaga pemakanan, mengelak perbuatan maksiat, menjaga batas pergaularan dan mencatat nota.

### **3. METODOLOGI KAJIAN**

Sampel kajian bagi menguji kebolehpercayaan soal selidik adalah terdiri daripada 80 orang pelajar yang telah dipilih secara rawak berkelompok daripada dua buah SBP di Pahang manakala kesahan muka dilakukan oleh seorang guru bahasa sebelum kesahan kandungan dilakukan oleh tiga orang pakar yang mempunyai kelayakan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang bimbingan dan kaunseling dari beberapa buah universiti tempatan . Kaedah pengujian kesahan ini digunakan kerana Mohd Majid Konting (2004) menyarankan agar pengkaji mendapatkan penilai luar yang terdiri daripada individu yang pakar dalam bidang kajian bagi memastikan domain-domain yang terkandung di dalam alat ukur mewakili bidang yang dikaji.

Kemudian, pencapaian kesahan kandungan Soal Selidik Amalan Adab Belajar Imam Syafie dikira dengan menggunakan formula yang dikemukakan oleh Jamaludin Ahmad (2004). Penentuan kesahan kandungan yang baik adalah berdasarkan pandangan Tuckman dan Waheed (1981) dan Abu Bakar Nordin (1995) iaitu aras pencapaian **70 peratus** dianggap telah mencapai tahap pencapaian yang tinggi. Berikut ialah kaedah pengiraan kesahan kandungan iaitu:

$$\frac{\text{Jumlah Skor Pakar (X)} \times 100\%}{\text{Skor Maksimum (30)}} = \text{Pencapaian Kesahan Kandungan}$$

Jumlah Skor Pakar perlu disesuaikan dulu dengan Skor Maksimum (30) . Contohnya: skor tertinggi bagi soal selidik ini adalah 120 (24 item X 5) . Jika pakar memberi markat 101 kepada soal selidik ini, kita perlu tukar dahulu untuk disesuaikan untuk Skor Maksimum (30) .  $101/120*30 = 25.25$  . Selepas itu, baharulah 25.25 boleh dikira sebagai Jumlah Skor Pakar dan diselesaikan dengan formula yang diberikan  $25.25/30*100 = 84.2 \%$

Setelah mendapat kesahan pakar, ujian kebolehpercayaan Soal Selidik Amalan Adab Belajar telah dijalankan dengan melibatkan seramai 80 orang pelajar daripada SBP berpencapaian rendah di Pahang. Persampelan rawak berkelompok digunakan bagi menguji kebolehpercayaan soal selidik

kerana kaedah ini mampu memudahkan pengkaji menemui responden kajian yang terkumpul di satu tempat berbanding jika menggunakan persampelan rawak mudah, pengkaji akan menghadapi kesukaran terutamanya dalam menemui responden yang tinggal bertaburan di merata tempat (Sidek, 2002). Soal Selidik Amalan Belajar mengandungi tiga konstruk utama iaitu sikap terhadap tingkah laku amalan adab belajar, norma subjektif tingkah laku amalan adab belajar dan persepsi kawalan tingkah laku amalan adab belajar. Setiap konstruk mengandungi item yang berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap amalan adab belajar meliputi aspek menjaga pemakanan, mengelak perbuatan maksiat, menjaga batas pergaulan, dan mencatat nota.

Soal Selidik Amalan Belajar terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D. Bahagian A mengandungi soalan berkaitan latar belakang responden seperti jantina, sekolah, bilangan adik beradik, pencapaian akademik, pekerjaan ibu bapa, jumlah pendapatan ibu bapa dan status penerimaan biasiswa. Bahagian B pula mengandungi soalan berkaitan sikap terhadap tingkah laku yang merujuk kepada penilaian pelajar sama ada positif atau negatif terhadap tingkah laku amalan adab belajar. Seterusnya, bahagian C mengandungi soalan berkaitan dengan norma subjektif yang merujuk kepada persepsi pelajar terhadap tekanan yang diterima daripada orang-orang yang dianggap penting dalam hidup mereka seperti ibu bapa, guru-guru atau rakan-rakan untuk melakukan amalan adab belajar manakala bahagian D pula mengandungi soalan berkaitan persepsi kawalan tingkah laku yang merujuk kepada kepada penilaian pelajar sama ada susah atau senang untuk melakukan tingkah laku amalan adab belajar. Skala yang digunakan ialah skala Likert lima mata bermula daripada nombor 1 (Sangat Tidak Setuju), 2 (Tidak Setuju), 3 (Neutral), 4 (Setuju) dan 5 (Sangat Setuju). Contoh soal selidik boleh dirujuk pada lampiran A.

#### **4. ANALISIS DATA**

Keputusan ujian kesahan mendapati bahawa, Soal Selidik Amalan Belajar Imam Syafie ini mempunyai tahap kesahan kandungan yang tinggi. Berikut ialah keputusan pencapaian kesahan kandungan soal selidik ini yang diperolehi daripada tiga orang panel penilai luar:

**Jadual 1: Keputusan Pencapaian Kesahan Kandungan**

---

<b>Pakar Penilai Luar</b>	<b>Pencapaian Kesahan Kandungan</b>	<b>Pandangan Pakar</b>
Pakar 1	91.7%	DITERIMA
Pakar 2	95.8%	DITERIMA
Pakar 3	83.3%	DITERIMA
<b>JUMLAH</b>	<b>90.3%</b>	<b>DITERIMA</b>
<b>KESELURUHAN</b>		

---

Berdasarkan keputusan ujian kesahan didapati, item-item Soal Selidik Amalan Adab Belajar Imam Syafie telah disahkan mewakili pemboleh ubah yang hendak diukur dalam kajian ini. Semua panel penilai yang dilantik telah dapat memastikan bahawa domain-domain yang terkandung dalam Soal Selidik Amalan Adab Belajar ini adalah mewakili pemboleh ubah yang sepatutnya diukur dalam kajian. Oleh itu, soal selidik ini didapati sesuai digunakan untuk mengukur pembolehubah sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku amalan adab belajar-pelajar SBP berpencapaian rendah.

Ujian kebolehpercayaan Soal Selidik Amalan Adab Belajar Imam Syafie dijalankan dengan melibatkan seramai 80 orang pelajar SBP berpencapaian rendah di Pahang. Persampelan rawak berkelompok digunakan bagi menguji kebolehpercayaan soal selidik. Kaedah ketekalan dalaman alpha Cronbach telah digunakan. Data yang telah diperolehi telah diproses menggunakan perisian SPSS versi 20. Menurut Croswell (2010), kebolehpercayaan sering kali dirujuk untuk mendapatkan ketekalan dalaman sesuatu konstruk. Hasil kajian mendapati bahawa soal selidik Amalan Adab Belajar Imam Syafie mempunyai tahap kebolehpercayaan item yang agak tinggi dengan nilai Alpha Cronbach 0.85.

## 5. PERBINCANGAN

Hasil ujian kesahan menggunakan pandangan pakar mendapati, Soal Selidik Amalan Adab Belajar mempunyai tahap kesahan yang agak tinggi dengan aras penguasaan sebanyak 90.3% dengan pekali kesahan kandungan .90 manakala hasil kajian rintis mendapati bahawa, Soal Selidik Amalan Belajar mempunyai tahap kebolehpercayaan item yang agak tinggi dengan nilai *Alpha Cronbach* .85. Dapatkan ini menunjukkan bahawa, Soal Selidik Amalan Belajar mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Justeru itu, Soal Selidik Amalan Adab Belajar ini sesuai digunakan untuk mengukur tahap sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku amalan adab belajar dalam kalangan pelajar-pelajar SBP berpencapaian rendah. Selain itu, hasil kajian ini turut diharapkan dapat membantu pihak SBP bagi menyediakan soal selidik disamping turut menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan berkaitan kajian pembinaan soal selidik di Malaysia.

Kajian lanjutan dicadangkan bagi membaikpulih inventori stres diri pelajar ini pada masa akan datang untuk menghasilkan versi soal selidik Amalan Adab Belajar Imam Syafie yang lebih berkualiti dan luas dalam penggunaannya supaya ia boleh digunakan oleh semua pihak. Pengkaji turut mencadangkan kajian lanjutan untuk mendapatkan analisis yang lebih mendalam terhadap item-item soal selidik seperti penggunaan faktor analisis dan analisis menggunakan model RASCH. Begitu juga untuk mendapatkan kesahan. Menurut Fraenkal & Wallen (2011) kesahan boleh dibuktikan dengan kaedah seperti kesahan kandungan, kesahan telahan, kesahan serentak dan kesahan gagasan.

Seterusnya, dicadangkan agar soal selidik ini dapat digunakan dalam kajian sebenar yang berkaitan dengan sikap terhadap tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan tingkah laku pelajar-pelajar SBP terhadap tingkah laku amalan adab belajar.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz bin Fathi (2007). Ensiklopedi Adab Islam Menurut Al Quran dan As Sunah JLD II. Terj. Abu Ihsan al Atsari. Jakarta: PT Pustaka Imam Asy Syafi'i.
- Abdullah Nashih Ulwan (2013). Tarbiyatul Aulad. Terj. Emiel Ahmad. Jakarta: Khatulistiwa Press.
- Abu Bakar Nordin (1995). *Penilaian Afektif*. Kajang: Masa Enterprise.
- Ajzen, I. (1991). *The Theory of Planned Behavior. Organizational Behavior And Human Decision Processes*, 179-211.
- Icek Ajzen. (2005). *Attitudes, Personality and Behaviour*. Berkshire: Mc Graw Hill Education.
- Bond, T.G dan Fox, C.M (2007). *Applying The Rasch Model*. Lawrence Erlbaum Associates, Inc., Publisher: New Jersey.
- Espeland, P. dan Verdict, E (2007). Dude, That's Rude! (Get Some Manners). Hong Kong: Free Spirit Publishing Inc.
- Jamaludin Ahmad (2008). *Modul Dan Pengendalian Bimbingan Kelompok*. Serdang: UPM
- Mohd Majid Konting (2004). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Norlia Harun, Faizah A.Ghani dan Khairudin Sapar (2013). *Faktor Ketidakcemerlangan Pelajar Sekolah Berasrama Penuh. Prosiding Persidangan Antarabangsa Pendidikan Dan Kaunseling 2013*. Universiti Tun Hussein Onn, Batu Pahat: Perkama Konsultan, 295-299
- Unit Peperiksaan SBP Johor (2016). *Analisis Keputusan SPM SBP 2015*. SM Sains Batu Pahat, Johor.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2016). *Panduan Permohonan Kemasukan Murid Ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) Kementerian Pendidikan Malaysia*. Kementerian Pelajaran Malaysia. <http://www.moe.gov.my/my/syarat-kemasukan-sbp>.
- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit UPM.

## **LAMPIRAN A**

### **Bahagian A: Demografi Responden**

Mohon Professor/Dr/Tuan/Puan menandakan ( ✓ ) pada ruangan yang sesuai.

1. Jantina:  Lelaki  Perempuan

2. Kaum:

1. Melayu
2. Cina
3. India
4. Lain-lain: Nyatakan

(.....)

3. Pekerjaan

1. Pensyarah IPTA / IPTS
2. Guru
3. Lain-lain: Nyatakan ( .....

4. Pengalaman

1. Kurang dari 5 tahun
2. 5- 10 tahun
3. 10-15 tahun
4. 15 keatas

**Bahagian B: SIKAP**

Mohon Professor/Dr/Tuan/Puan :

- i. Tandakan ( ✓ ) pada item-item yang sesuai untuk dimasukkan dalam ruang berpandukan skala di bawah

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

Pengaruh aspek sikap terhadap amalan adab belajar	SKALA					Sumber item :
	1	2	3	4	5	
1. Saya suka menjaga pemakanan saya.						
2. Sayaberpendapatmenjagapemakananadalahbaikuntukmenjauhkandiridaripenyakit						
3. Saya berpendapat mengelakkan diri daripada membua tmaksiatadalahmulia.						
4. Sayaberpendapatmengelakkandiridari padamembuatmaksiatdapatmenyucikanhati yang kotor						
5. Sayamerasanaperbuatanmenjagabataspergaulanadalahwajar						
6. Sayamerasanaperbuatanmenjagabataspergaulanadalahpentingkeranaranakanmampumem pengaruhikitadarisegipergaulan, caraberpakaian, minatdan lain-lain.						
7. Sayasukamencatat nota ketikabelajar .						
8. Sayaberpendapatperbuatanmencatat nota merupakancaraterbaikmenyimpanilmupengetahuan.						



### Bahagian C: NORMA SUBJEKTIF

Mohon Professor/Dr/Tuan/Puan :

- ii. Tandakan ( ✓ ) pada item-item yang sesuai untuk dimasukkan dalam ruang berpandukan skala di bawah

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

iii.

Pengaruh aspek norma subjektif terhadap amalan adab belajar	SKALA					Sumber item :
	1	2	3	4	5	
9. Sayamenjagapemakanansayakeranapengaruhrakan-rakan.						
10. Sayamenjagapemakanankerana orang di sekitarsayamenjagapemakananmereka juga						
11. Sayamenjauhkandiridaripadamelakukanmaksiatkeranapengaruhrakan-rakan.						
12. Sayamengelakkandiridaripadaberbuatmaksiatuntukmembentukimejkendiri yang baikkepadamasyarakat.						
13. Sayamenjagabataspergaulansayakeranapengaruhrakan-rakan.						
14. Sayamenjagabataspergaulansayakerana orang di sekitarsaya pun menjagabataspergaulanmereka.						
15. Sayamencatat nota ketikabelajarkeranapengaruhrakan-rakan.						
16. Sayamencatat nota ketikabelajarkerana orang di sekitarsaya pun berbuatdemikian.						



### Bahagian B: TANGGAPAN KAWALAN TINGKAHLAKU

Mohon Professor/Dr/Tuan/Puan :

- iv. Tandakan ( ✓ ) pada item-item yang sesuai untuk dimasukkan dalam ruang berpandukan skala di bawah

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Neutral	Setuju	Sangat Setuju
1	2	3	4	5

v.

Pengaruh aspek tanggapan kawalan tingkahlaku terhadap amalan adab belajar	SKALA					Sumber item :
	1	2	3	4	5	
17. Sayamampumenjagapemakanansayasecarakonsisten.						
18. Sayamampumenjagapemakanansayawalaupunianyakadang-kala agaksukarkeranamelibatkanmakanan yang halal.						
19. Sayamampumengelakkandiridaripadamembuatmaksiatkeranaiadapatmenyucikanhati yang kotor.						
20. Sayamampumengelakkandiridaripadamembuatmksiatiwtalaupunianyamengujiketabaha ndankeimanansaya .						
21. Sayamampumenjagabataspergaulansayasecarakonsisten.						
22. Sayadapatmenjagabataspergaulansayawalaupunterpaksakehilanganrakantersayang.						
23. Saybolehmencatat nota ketikabelajarsecarakonsisten.						
24. Saybolehmencatat nota ketikabelajarwalaupunianyamemerlukankomitmentinggi						